



# **MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**

***TENDER***

**UNTUK**

**CADANGAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI  
ZON SELATAN (MEDAN SELERA SEPANG,  
MEDAN SELERA SUNGAI PELEK, SELERA @  
BAGAN LALANG, TANDAS AWAM PASAR  
SEPANG, TANDAS AWAM PASAR SG PELEK) DI  
BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS  
PERBANDARAN BAGI TEMPOH 24 BULAN**

***T/MPSepang/PH/17/2024***



# MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1  
63200 Cyberjaya,  
Selangor Darul Ehsan

## KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi kerja-kerja berikut:

Bil	No. Tender	Tajuk Kerja	Bidang, Sub Bidang & Pecahan Bidang	Tarikh Iklan	Harga Dokumen
1	T/MPSepang/PH/16/2024	CADANGAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI ZON UTARA (MEDAN SELERA DENGKIL, MEDAN NIAGA DENGKIL, PUSAT PENJAJA TAMAN DENGKIL JAYA, BANGUNAN PEJABAT (PASAR AWAM DENGKIL), SELERA@PUTRA PERDANA) DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN BAGI TEMPOH 24 BULAN	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (221001 – Pembersihan Bangunan & Pejabat & 221003 – Mengangkat Sampah) DAN UPEN	Tarikh Buka: 10 Oktober 2024  Tarikh Tutup: 1 November 2024	RM 200.00
2	T/MPSepang/PH/17/2024	CADANGAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI ZON SELATAN (MEDAN SELERA SEPANG, MEDAN SELERA SUNGAI PELEK, SELERA @ BAGAN LALANG, TANDAS AWAM PASAR SEPANG, TANDAS AWAM PASAR SG PELEK) DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN BAGI TEMPOH 24 BULAN	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (221001 – Pembersihan Bangunan & Pejabat & 221003 – Mengangkat Sampah) DAN UPEN	Tarikh Buka: 10 Oktober 2024  Tarikh Tutup: 1 November 2024	RM 200.00
3	T/MPSepang/PH/18/2024	CADANGAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI ZON TENGAH 1 (SELERA @ BBST, SELERA @ SEROJA, TANDAS AWAM BBST, MEDAN SELERA SALAK, SELERA @ LABU LANJUT) DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN BAGI TEMPOH 24 BULAN	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (221001 – Pembersihan Bangunan & Pejabat & 221003 – Mengangkat Sampah) DAN UPEN	Tarikh Buka: 10 Oktober 2024  Tarikh Tutup: 1 November 2024	RM 200.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **10 Oktober 2024** hingga **1 November 2024** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu di bawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (**MOF**), Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (**UPEN**). Bayaran dibuat secara atas talian melalui **FPX, Kredit Kad dan Debit Kad** atau secara **Tunai, Wang Pos atau Bank Draf** yang berpaling atas nama **‘Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang’**
3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **1 November 2024**. Tempoh sah tender yang dihantar kemudian daripada ini adalah sah selama 120 hari daripada tarikh iklan tender ini. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke **Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta (03-83190200 ext 330 / 331)**, Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api, 63200 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.
4. Kontraktor-kontraktor yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4 bulan)** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

**“INTEGRITI AMALAN SAYA”**

**“#KITASELANGOR MAJU BERSAMA”**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah

.....  
**DATO’ HAJI ABD. HAMID BIN HUSSAIN** DSIS, AIS, PPT, PPC

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Sepang

## ARAHAN KEPADA PENENDER

A. Petender **diwajibkan** menyusun dokumen mengikut susunan seperti berikut:

1. MUKA HADAPAN
2. IKLAN TENDER
3. ARAHAN KEPADA PENENDER
4. SENARAI SEMAKAN
5. ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR
6. SYARAT-SYARAT AM
7. SPESIFIKASI (LAMPIRAN B1 – D2)
8. SPESIFIKASI (LAMPIRAN F)
9. SENARAI KUANTITI (LAMPIRAN A – E)
10. RINGKASAN SENARAI KUANTITI
11. RINGKASAN TENDER
12. BORANG MAKLUMAT KEWANGAN
13. SURAT AKUAN PEMBIDA & AKUAN PEMBIDA BERJAYA
14. SURAT AKUAN OLEH SYARIKAT YANG MENDAFTAR DENGAN MOF
15. PENGESAHAN BANK (SURAT RESOLUSI)
16. LAMPIRAN G

B. Petender **diwajibkan** menyusun dokumen sokongan wajib seperti di dalam senarai semakan dan **'tagging'** bagi tujuan memudahkan penyemakan oleh Ahli Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga / Tender.

C. Petender hendaklah **menyertakan salinan asal Resit Pembayaran (Bil Pelbagai)** semasa menghantar set dokumen.

**SENARAI SEMAKAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERAJAAN)**

SILA TANDAKAN ( / ) BAGI DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN

BIL.	PERKARA / DOKUMEN	DOKUMEN YANG PERLU DISEMAK	UNTUK DI TANDA OLEH KONTRAKTOR	UNTUK DI TANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat daripada <b>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</b>	/		
2	Salinan Sijil Kementerian Kewangan Bumiputera Malaysia ( <b>MOF</b> )	/		
3	Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia ( <b>MOF</b> ) ( <b>Bekalan / Perkhidmatan</b> )	/		
4	Salinan Sijil Pendaftaran Dari <b>UPEN</b>	/		
5	<b>Menghantar Semula Dokumen Asal Tender</b>	/		
6	<b>Profail Syarikat</b> (Pengalaman Kerja Yang Berkaitan, Peralatan & Carta Organisasi)	/		
7	Salinan <b>Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir Julai, Ogos &amp; September 2024</b> atau <b>Penyata Bank Bulan Terkini (Perlu Disahkan Oleh Bank Yang Berkaitan)</b> dan mempunyai <b>purata 3 bulan penyata bank dengan modal minimum 3.0%</b> daripada harga kontraktor memasuki <b>Tender</b>	/		
8	<b>Surat Akuan Pembida dan Surat Akuan Pembida Berjaya</b> ditandatangani lengkap oleh pengurus syarikat	/		
9	<b>Surat Akuan Oleh Syarikat Yang Mendaftar Dengan MOF</b> ditandatangani lengkap oleh pengurus syarikat	/		
10	<b>Dokumen Resolusi Kebenaran Pengesahan Maklumat Penyata Bank</b>	/		

**(Maklumat Yang Dikemukakan Adalah Benar)**

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Cop Syarikat:

Tarikh:

**UNTUK KEGUNAAN JABATAN**

**(Untuk Pengesahan Penerimaan Dokumen)**

Tandatangan:

Tandatangan:

Tandatangan:

Nama:

Nama:

Nama:

Jawatan:

Jawatan:

Jawatan:

Tarikh:

Tarikh:

Tarikh:

## ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR

### 1. HAK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MP SEPANG) UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK TENDER

MP Sepang adalah tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tender. Keputusan MP Sepang adalah muktamad.

### 2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN TENDER

#### 2.1 Penyediaan Tender

Kontraktor atau Pembekal adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat hitam atau biru segala maklumat berikut dengan sepenuhnya: -

- (a) Senarai Kuantiti
- (b) Ringkasan Senarai Kuantiti

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas kontraktor atau pembekal hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

#### 2.2 Penyerahan Dokumen Tender

- a) Dokumen tender yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan tender yang berkaitan serta tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam notis tender.
- b) Jika dokumen tender tidak diserahkan dengan tangan, penender hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- c) Tender yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

#### 2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam dokumen tender yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor atau pembekal boleh menghubungi Unit Tender Dan Kontrak untuk penjelasan lanjut.

### **3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN TENDER**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan tender ini hendaklah ditanggung oleh penender sendiri.

### **4. TEMPOH SAH TENDER**

Tender ini sah selama seratus dua puluh (120) hari dari tarikh tutup tender. Penender tidak boleh menarik balik tendernya sebelum tamat tempoh sah tender. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penender menarik balik tendernya sebelum tamat tempoh sah tender.

### **5. PEMALSUAN PENYATA BANK**

Sekiranya terdapat pemalsuan penyata bank dari pihak penender, pihak MP Sepang akan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal di MP Sepang dan pihak bank boleh mengambil tindakan lanjut di bawah perundangan jenayah komersial.

### **6. DOKUMEN TENDER DAN LATAR BELAKANG SYARIKAT**

Penender yang tidak berjaya boleh mengambil semula dokumen tender dan latar belakang syarikat di tingkat 3 Unit Tender dan Kontrak Majlis Perbandaran Sepang dalam tempoh enam (6) bulan. Jika penender tidak mengambil semula dokumen tender dan latar belakang syarikat, pihak majlis berhak untuk melupuskannya.

### **7. PERBUATAN RASUAH**

Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang yang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran, kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah akta suruhanjaya pencegahan rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

## 8. HARGA INDIKATIF JABATAN

- 8.1 Harga Indikatif Jabatan bagi tender ini adalah **Ringgit Malaysia: Tujuh Ratus Enam Puluh Tujuh Ribu Sahaja. (RM 767,000.00)**
- 8.2 Harga Indikatif ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat MPSepang atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- 8.3 Pihak MPSepang tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.



## SYARAT-SYARAT AM

1. Kontraktor hendaklah memulakan kerja dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh lantikan dikeluarkan dan hendaklah mengikut arahan dan kelulusan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang atau wakilnya yang diberi kuasa olehnya.
2. Jika kontraktor gagal memulakan kerja dalam tempoh empat belas (14) hari, kontrak / tender ini akan dibatalkan dan suatu aduan akan dibuat kepada pihak Kementerian Kewangan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).
3. Semua bahan-bahan yang dibekalkan dan digunakan hendaklah baru dan belum terpakai serta mempunyai mutu yang baik dan diperolehi dari dalam Malaysia serta mendapat kelulusan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang atau wakilnya yang diberi kuasa olehnya. Pegawai tersebut juga mempunyai kuasa untuk meminta contoh-contoh untuk diperiksa sebelum bahan-bahan tersebut dibekalkan atau digunakan.
4. Apabila kerja siap, segala sampah sarap, serpihan dan lebihan hendaklah dibersihkan mengikut arahan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang atau wakilnya yang diberi kuasa olehnya.
5. Kontraktor perlu menyertakan salinan lesen Kementerian Kewangan, atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan UPEN bagi setiap sebutharga.

### **6. PEMERIKSAAN TAPAK**

Kontraktor dianggap telah melawat dan mengetahui akan tempat kerja yang akan dijalankan dan berpuashati dengan syarat-syarat yang dikenakan dan mengkaji dengan terperinci masalah yang akan timbul bersabit dengan kerja ini supaya tidak menjejaskan perjalanan kerja nanti dan hendaklah ianya berpuashati sebelum menghantar tawarannya mengenai keadaan tapak. Segala tuntutan yang bersabit dengan pemeriksaan tapak tidak boleh dibuat dan tidak akan dilayan.

### **7. BURUH DAN PERALATAN KERJA**

Pihak kontraktor hendaklah membekalkan semua buruh dengan alat-alat kerja dan pengangkutan yang diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja di bawah kontrak ini dan semua ini disediakan atas tanggungan dan dibiayai kontraktor sendiri. Bagi memastikan kerja-kerja ini dapat diselenggara dengan teratur dan memuaskan, maka semua alatan kerja dan pengangkutan hendaklah disimpan setiap masa, dibaiki dan diselenggarakan dengan baik oleh kontraktor sendiri.

### **8. PENGAWASAN OLEH KONTRAKTOR**

Pihak kontraktor hendaklah melantik seorang wakil yang cekap untuk menjadi pengawas / wakil kontraktor semasa ketiadaannya dan arahan yang diberikan kepada wakilnya hendaklah menjadi tanggungjawab pihak kontraktor atau wakilnya hendaklah apabila diminta hadir ke pejabat Majlis Perbandaran Sepang untuk memberi laporan kemajuan kerjanya dan menerima arahan daripada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang atau wakilnya yang diberi kuasa olehnya.

## 9. HALANGAN

Pihak kontraktor hendaklah menentukan bahawa tidak ada kesusahan atau halangan yang timbul kepada orang ramai atau awam waktu menjalankan pekerjaan.

## 10. TEMPOH KONTRAK

- 10.1 Tempoh kontrak atau tender ini selama **dua puluh empat (24) bulan** dari tarikh lantikan kontraktor dan boleh dilanjutkan untuk tempoh dua belas (12) bulan lagi mengikut budi bicara Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang dan hendaklah dipohon oleh kontraktor tiga (3) bulan sebelum tamat kontrak tersebut.
- 10.2 Tempoh mula dan tamat kontrak kerja adalah ditentukan kemudian daripada ini atas budi bicara yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang melalui surat tawaran kerja yang dikeluarkan.
- 10.3 Tempoh kerja penyelenggaraan selama enam (6) bulan dari tarikh tempoh siap kerja dikeluarkan sepertimana didalam dokumen tender yang telah diisi.
- 10.4 YDP adalah mengikut budi bicaranya boleh mengubah, meminda atau menambah apa-apa butiran spesifikasi yang telah ditawarkan kepada kontraktor tertakluk sepanjang masa amaun yang dipinda atau diubah atau ditambah hendaklah mengikut arahan atau peraturan yang terpakai kepada Majlis.

## 11. BON PELAKSANAAN / WANG JAMINAN PELAKSANAAN

- 11.1 Sebelum atau pada tarikh menandatangani kontrak ini kelak selepas keputusan tender ini dikeluarkan, kontraktor dikehendaki menandatangani wang cagaran dalam bentuk tunai, bank deraf atau wang jaminan pelaksanaan yang berjumlah **5.0%** dari nilai keseluruhan tanggungan kontrak selama tempoh setahun menyempurnakan kerja-kerja tersebut. Sekiranya amaun tersebut tidak mencukupi kontraktor hendaklah memastikan amaun tersebut sentiasa mencukupi mengikut jumlah yang ditetapkan sebelum, selepas atau pada tarikh menandatangani tender ini.
- 11.2 Wang Jaminan Pelaksanaan ertinya satu bentuk wang cagaran yang dipegang oleh majlis dengan kaedah pemetongan daripada bayaran interim pertama, kedua dan ketiga sahaja.
- 11.3 Wang Cagaran yang dikemukakan menurut Fasal 11.1 di atas akan dituntut atau dipotong amaunnya oleh Majlis sekiranya kontraktor gagal mengikut mana-mana syarat di dalam sebutharga ini.

## 12. WANG PENDAHULUAN

Wang pendahuluan tidak terpakai di Majlis Perbandaran Sepang.

## 13. PERNYATAAN, WARANTI DAN AKU JANJI KONTRAKTOR

- 13.1 Kontraktor adalah dikehendaki menjalankan kerja-kerja kontrak menurut lokasi yang ditentukan di dalam pelan tapak dan spesifikasi kerja yang disediakan di dalam kontrak / tender ini termasuk apa-apa arahan, perubahan, pindaan atau tambahan kerja yang ditentukan oleh Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang atau wakilnya yang diberi kuasa olehnya dari masa ke semasa.
- 13.2 Sebaik sahaja tender / kontrak ini ditandatangani, kontraktor hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen yang dikehendaki oleh Majlis bagi menjalankan kerja-kerja kontrak kepada Majlis untuk tujuan rekod dan beberapa pematuhan syarat seperti berikut:
- a) Agihan pengambilan pekerja-pekerja oleh kontraktor hendaklah sekurang-kurangnya 51% pekerja Bumiputera (Untuk kerja pembersihan bangunan sahaja).
  - b) Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Majlis senarai nama-nama pekerja yang diambil oleh kontraktor bagi kerja-kerja kontrak termasuk nombor telefon untuk dihubungi dan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang adalah berhak untuk membantah pengambilan kerja mana-mana calon yang pada pendapatnya adalah tidak sesuai bagi kerja-kerja tersebut.
  - c) Sekiranya kontraktor menggunakan khidmat pekerja-pekerja yang terdiri daripada warganegara asing, kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Majlis senarai nama pekerja yang diambil oleh kontraktor bagi kerja-kerja kontrak berserta dengan sesalinan passport dan permit kerja.
  - d) Bagi menjalankan kerja-kerja di bawah kontrak ini, kontraktor adalah pada bila-bila masa dilarang mengambil bekerja, mana-mana pekerja yang sedang berkhidmat dengan Majlis sama ada tetap, sementara kontrak atau sambilan.
  - e) Setiap pekerja-pekerja kontraktor hendaklah menggunakan pakaian seragam dan vest keselamatan yang sesuai dan dipersetujui oleh Majlis bagi menjaga imej Majlis.
  - f) Kontraktor hendaklah menghantar tuntutan bayaran yang lengkap dalam tempoh 7 hari bekerja pada bulan berikutnya.
  - g) Bagi menjalankan kerja-kerja kontrak ini, kontraktor adalah pada setiap masa hendaklah memastikan dan mematuhi bahawa sampah yang dibuang hendaklah dilupuskan di tempat yang ditetapkan oleh Majlis dengan bukti yang memuaskan oleh pihak Majlis.
  - h) Salinan polisi insurans seperti di Fasal 14.
  - i) Salinan perakuan kelulusan daripada Kementerian Kewangan.
  - j) Salinan salinan pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).
  - k) Salinan pendaftaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN).
  - l) Salinan pendaftaran perniagaan / syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
  - m) Salinan pendaftaran kenderaan-kenderaan yang digunakan bagi maksud kerja-kerja kontrak.

- n) Kenderaan-kenderaan yang digunakan oleh kontraktor hendaklah berada dalam keadaan yang sempurna dan memuaskan. Jika sekiranya kenderaan yang digunakan oleh kontraktor tersebut rosak, maka adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk memperbaiki kenderaan tersebut dan mendapatkan pengganti bagi kenderaan yang rosak tersebut.
  - o) Salinan Jadual Kerja-kerja Kontrak yang ditetapkan oleh kontraktor dan dipersetujui oleh Majlis.
  - p) Menyediakan dua (2) salinan laporan bergambar kerja-kerja kontrak dan salinan "softcopy" sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja dilaksanakan kepada pihak Majlis.
  - q) Menyediakan peralatan yang sesuai, sempurna dan mencukupi serta sesalinan inventori diserahkan kepada Majlis.
  - r) Mendapatkan kelulusan daripada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang atau wakilnya yang diberi kuasa olehnya akan contoh-contoh bahan yang hendak digunakan dan hendaklah yang mempunyai mutu terbaik yang boleh didapati di pasaran.
- 13.3 Walau apa pun yang terkandung dalam tender ini adalah disahkan oleh Pihak-Pihak dalam tender ini bahawa :-
- a) Kesemua pekerja kontraktor adalah bukan pekerja, kakitangan atau wakil majlis dan kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memenuhi segala syarat-syarat pengambilan pekerja yang dimestikan oleh undang-undang yang terpakai termasuk membuat bayaran SOCSO, pampasan pekerja dan sebagainya.
  - b) Apa-apa kecederaan yang dialami oleh mana-mana pekerja kontraktor sewaktu melakukan kerja-kerja kontrak adalah bukan menjadi tanggungjawab Majlis tetapi adalah menjadi tanggungjawab kontraktor sepenuhnya.
- 13.4 Ringkasan Tender
- a) Kontraktor hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja kontrak dengan sempurnanya.
  - b) Kontraktor tidak boleh membuat sebarang tuntutan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai kerajaan, sama ada dalam tempoh sah tender atau dalam tempoh kerja.

## 14. PENYELIAAN KERJA-KERJA KONTRAK

- 14.1 Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang boleh mewakilkan kepada Pegawai Penyelia untuk kuasa-kuasa menyelia dan memeriksa kerja-kerja kontrak supaya dijalankan dengan sempurna, termasuk memberi apa-apa arahan kepada kontraktor jika diperlukan.
- 14.2 Walau apa pun yang bertentangan yang terkandung di dalam sebutharga ini mana-mana Pegawai Majlis lain yang diarahkan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang mempunyai hak sepenuhnya dari masa ke semasa untuk membuat apa-apa pemeriksaan dan mengeluarkan apa-apa arahan kepada kontraktor mengenai kerja-kerja kontrak sekiranya dirasakan adalah perlu untuk berbuat demikian.

## 15. INSURANS

Kontraktor hendaklah mengambil Polisi Insurans Tanggungan Awam bagi melindungi liabiliti kontraktor dan Majlis mengenai sebarang kecederaan diri, kematian atau dalam melaksanakan kerja-kerja kontrak dan disebabkan oleh apa-apa kecuaiian, pecah kontrak di pihak kontraktor dan mengambil Insurans Pampasan Pekerja (Workment Compensation Insurance) dalam tender ini daripada syarikat insurans yang diperakukan oleh Majlis dan mendepositkannya kepada Majlis. **Kontraktor digalakkan untuk mengambil Polisi Takaful.**

## 16. TANGGUNG RUGI (INDEMNITI)

16.1 Kontraktor hendaklah pada bila-bila masa hendaklah menanggung rugi dan menyebabkan Majlis sentiasa ditanggung rugi daripada dan terhadap semua atau apa-apa tindakan prosiding, tuntutan yang dibuat, dikenakan atau dibawa oleh mana-mana orang terhadap Majlis, berkenaan dengan apa-apa perkara berkaitan dengan kecuaiian, pelanggaran kewajipan atau tindakan salah oleh kontraktor, pekerja-pekerja dan / atau agen-agensya dalam menjalankan kerja-kerja kontrak.

16.2 Kontraktor hendaklah menanggung sepenuhnya apa-apa tuntutan yang dibuat oleh mana-mana pihak yang mengalami kerugian, kecederaan atau kematian semasa kerja-kerja kontrak dijalankan yang mana berpunca dari kelalaian dan kecuaiian kontraktor, kakitangan atau agen kontraktor dan hendaklah memberi pampasan dan mengganti rugi sepenuhnya jika tuntutan itu dibuat oleh mana-mana pihak yang terbabit terhadap Majlis.

## 17. PENYERAHAKKAN ATAU NOVASI

17.1 Kontraktor adalah dilarang sama sekali daripada memindah atau menyerahkan hak faedah Perjanjian atau kerja-kerja kontrak ini kecuali mendapat kelulusan daripada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang.

17.2 Majlis walaubagaimanapun, boleh memindah atau menyerahkan hak faedah kontrak ini mengikut arahan pihak berkuasa negeri atau melalui undang-undang, pekeliling atau peraturan yang diguna pakai oleh majlis dari masa ke semasa.

## 18. NOTIS PEMBETULAN

18.1 Sekiranya kontraktor gagal untuk menjalankan kerja-kerja kontrak, Majlis boleh mengeluarkan notis iaitu "Notis Pembetulan" secara bertulis kepada kontraktor menyatakan kegagalan atau ketidaksempurnaan kerja-kerja kontrak itu dilaksanakan dan tempat berlakunya kegagalan tersebut berlaku termasuk aduan awam dan menghendaki kontraktor untuk membetulkan kegagalan tersebut dalam tempoh dua puluh empat jam (24) jam atau kurang seperti yang ditetapkan dalam notis dari tarikh penyerahan "Notis Pembetulan" atau tempoh yang lebih panjang yang ditentukan oleh Majlis Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang boleh atas budibicara membuat sebarang pemotongan bayaran mengikut jumlah nilai kerja-kerja kontrak pada peringkat ini.

- 18.2 Sekiranya kontraktor gagal mengambil tindakan sewajarnya seperti yang termaktub di dalam "Notis Pembetulan" tersebut di dalam tempoh yang ditetapkan, Majlis berhak untuk melantik mana-mana orang yang bersesuaian bagi melaksanakan arahan-arahan seperti yang dinyatakan di dalam notis tanpa notis kepada kontraktor. Apa-apa kos perbelanjaan yang di tanggung oleh Majlis bagi melantik orang tersebut hendaklah ditanggung oleh kontraktor.
- 18.3 Sekiranya kontraktor berulang kali gagal melaksanakan kerja-kerja kontrak mengikut spesifikasi atau arahan yang dikeluarkan dan notis pembetulan telah dikeluarkan sebanyak enam (6) kali sepanjang tempoh kontrak, Majlis berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan memberi Kontraktor dua puluh satu (21) hari notis secara bertulis akan hasratnya untuk membuat sedemikian tanpa membayar sebarang pampasan.

## 19. PENAMATAN

- 19.1 Kontraktor adalah melakukan pelanggaran sekiranya berlaku mana-mana daripada perbuatan atau keadaan yang berikutnya :
- a) Kontraktor melanggar dan mengingkari mana-mana syarat dalam tender ini atau mana-mana arahan yang dikeluarkan di bawah tender ini termasuk mana-mana arahan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang atau mana-mana arahan pegawai yang diberi kuasa olehnya, untuk memberi arahan kepada kontraktor ; atau
  - b) Kontraktor menamatkan tender ini sebelum tamatnya tempoh Perjanjian ini; atau
  - c) Sekiranya kontraktor diisytiharkan mufliis, bankrap atau telah digulung secara proses perundangan sama ada permintaannya ataupun sebaliknya.
- 19.2 Sekiranya berlaku mana-mana pelanggaran syarat-syarat yang diperuntukan dalam tender ini, Majlis adalah berhak untuk menamatkan kontrak ini atas pelanggaran syarat oleh kontraktor dengan memberi notis dalam tempoh tiga puluh (30) hari kepada kontraktor dengan cara penyerahan secara sendiri atau melalui pos dalam suatu sampul yang dijelaskan bayarannya dan di alamat kepada tempat tinggal kontraktor atau tempat perniagaannya yang biasa atau akhir diketahui atas segala tuntutan dan kerugian yang dialami oleh Majlis akibat daripada perbuatan pelanggaran syarat yang dilakukan oleh kontraktor.
- 19.3 Segala kerugian yang dialami oleh Majlis akibat daripada pelanggaran syarat yang dilakukan oleh kontraktor boleh dituntut oleh Majlis sepenuhnya terhadap kontraktor termasuk tuntutan gantirugi kerana gagal memenuhi tempoh sepenuhnya kontrak ini. Majlis berhak untuk menolak daripada bayaran yang akan diterima oleh kontraktor di bawah kontrak ini untuk menjelaskan apa-apa kerugian atau tuntutan yang dialami oleh Majlis terhadap kontraktor.

## 20. PENAMATAN PERJANJIAN ATAS KEPENTINGAN NASIONAL

- 20.1 Tertakluk kepada mana-mana klausa di dalam kontrak ini, Majlis boleh menamatkan kontrak ini dengan memberi notis tidak kurang daripada enam puluh (60) hari kepada kontraktor (tanpa kewajipan untuk memberikan sebab-sebab penamatan) sekiranya penamatan tersebut adalah demi kepentingan nasional, di atas keperluan keselamatan nasional atau tujuan polisi kerajaan atau polisi awam.

- 20.2 Bagi tujuan klausa ini, apa yang merangkumi “kepentingan nasional”, “keperluan keselamatan nasional”, “polis kerajaan” dan “polisi awam” akan hanya dibuat dan ditentukan oleh Majlis dan penentuan tersebut untuk apa-apa niat dan tujuan adalah muktamad dan mutlak serta tidak boleh dicabar dalam apa-apa jua keadaan.

## 21. BAYARAN KONTRAK BULANAN

Bayaran kerja bulanan akan hanya dibuat kepada kontraktor di atas kerja-kerja yang dibuat pada bulan tersebut setelah satu perakuan pemeriksaan bersama dibuat di antara kontraktor dan pihak Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang atau wakilnya yang diberi kuasa olehnya pada tiap-tiap hujung bulan tersebut bahawa yang dibuat adalah memuaskan mengikut spesifikasi dan syarat-syarat kontrak ini.

## 22. JAWATANKUASA KETETAPAN PERTIKAIAN

- 22.1 Sebarang pertikaian atau tuntutan yang wujud di antara dua pihak berhubung perjanjian ini yang bukannya datang daripada arahan kerajaan hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Ketetapan Pertikaian (JKP) yang terdiri daripada :-

22.1.1 Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang sebagai pengerusi atau mana-mana pegawai yang di lantik olehnya.

22.1.2 Dua orang wakil yang dilantik oleh Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang.

22.1.3 Dua orang wakil yang dilantik oleh Kontraktor

- 22.2 JKP bolehlah melantik seorang pakar bebas yang mahir dalam bidang yang menjadi pertikaian tersebut dan segala kos yang ditanggung adalah secara saksama oleh kedua-dua pihak.

## 23. FORCE MAJEURE

- 23.1 Majlis dan kontraktor adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang tindakan, ketinggalan atau kegagalan dalam memenuhi kehendak kontrak ini jika ianya berpunca daripada keadaan rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan, atau sebab-sebab dan bahaya-bahaya lain yang tidak dapat dikawal oleh mana-mana pihak disebabkan oleh “Force Majeure”.

- 23.2 Jika satu pihak tidak dapat melaksanakan obligasi di bawah kontrak ini disebabkan oleh berlakunya “Force Majeure” maka pihak tersebut hendaklah memaklumkan dengan segera tentang perkara tersebut dengan menyatakan butir-butir lengkap dan akibat daripadanya kepada pihak yang satu lagi.

- 23.3 Jika kedua-dua pihak menganggap kejadian “Force Majeure” itu adalah teruk atau berterusan untuk satu jangka masa boleh menggagalkan tujuan asal kontrak ini, maka pihak-pihak bolehlah bersetuju supaya kontrak ini ditamatkan atas persetujuan bersama.



## 24. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Dalam menjalankan kerja-kerja kontrak, kontraktor mestilah mematuhi kesemua peruntukan undang-undang Malaysia dan kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang itu oleh kontraktor boleh dianggap sebagai perbuatan pelanggaran syarat kepada Perjanjian ini.

## 25. NOTIS

Apa-apa notis permintaan atau tuntutan yang hendak disampaikan oleh mana-mana pihak kepada pihak yang satu lagi di bawah kontrak ini hendaklah dibuat secara bertulis dan boleh dihantar melalui pos berdaftar, faksimili atau serahan tangan ke alamat yang dinyatakan di dalam kontrak ini atau mana-mana alamat penerima yang diberitahu oleh pihak-pihak dari masa ke semasa:-

- i. Majlis Perbandaran Sepang  
Persiaran Semarak Api,  
63200 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.  
No. Telefon: 03-8319 0200 No. Faksimili: 03-83190220 / 83204500
- ii. Kontraktor yang dilantik.

## 26. MASA

Masa adalah asas dan inti pati utama dalam kotak / tender ini.

## 27. KOS

- 27.1 Segala perbelanjaan dan kos yang dibayar berhubung dengan kontrak ini termasuk apa-apa bayaran duti setem dan perbelanjaan serta kos guaman dan pelanggan yang kena ditanggung oleh Majlis kerana menguatkuasakan kontrak ini boleh dituntut oleh Majlis daripada kontraktor dan adalah ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor.
- 27.2 Kontraktor hendaklah menanggung segala kos penyediaan perjanjian dan penyeteman (*stamping*) bagi perjanjian kerja-kerja kontrak ini dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas penerimaan surat tawaran kerja-kerja kontrak ini.

## 28. PENGGANTI HAKMILIK ADALAH TERIKAT

- 28.1 Perjanjian ini adalah mengikat waris-waris pesaka atau penerima hak kontraktor.
- 28.2 Dalam kontrak ini, rujukan kepada Majlis dan kontraktor hendaklah termasuk pengganti-pengganti dan penerima-penerima serahan haknya yang sah dari segi undang-undang.

## 29. PINDAAN

Tiada sebarang ubahsuaian, pindaan, tambahan atau penepisan atas mana-mana peruntukan kontrak ini adalah berkuatkuasa melainkan ia adalah atas persetujuan suatu bersama pihak-pihak yang dibuat secara bertulis menerusi Perjanjian Tambahan yang secara khusus merujuk kepada kontrak ini dan ditandatangani oleh pihak-pihak terlibat.



- 30. PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI TIDAK SAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHU UNDANG-UNDANG**
- 30.1 Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya (Syarikat/Firma), kakitangan, pengkhidmat atau pekerja disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh (Syarikat/Firma) dengan Kerajaan, atau didapati terlibat dengan tipuan bida oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada (Syarikat/Firma) untuk menyatakan sedemikian kepada Syarikat.
- 30.2 Kerajaan berhak menuntut daripada Syarikat apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- 30.3 Pihak-Pihak bersetuju bahawa (Syarikat/Firma) tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

### SPESIFIKASI KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI ZON SELATAN

1. MEDAN SELERA SEPANG
2. MEDAN SELERA SUNGAI PELEK
3. SELERA@BAGAN LALANG
4. PUSAT PENJAJA@BAGAN LALANG
5. TANDAS PASAR AWAM SEPANG
6. TANDAS PASAR AWAM SUNGAI PELEK

### DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

#### 1.0 KAWASAN YANG DIMASUKKAN.

Kawasan yang dimasukkan di dalam kontrak ini adalah seperti ditunjukkan di dalam pelan (lampiran F).

#### 2.0 KONTRAKTOR HENDAKLAH MENYEDIAKAN PEKERJA DAN WAKTU BEKERJA, HARI BEKERJA, PENGAJIAN PEKERJA, INSURAN DAN PERALATAN DAN LAIN-LAIN.

##### 2.1 PEKERJA DAN WAKTU BEKERJA

2.1.1 Kontraktor hendaklah membekalkan dan menyediakan pekerja seperti berikut:

KAWASAN	WAKTU KERJA	
	Pekerja pembersihan	Pekerja pembersihan tambahan(Hari Kelepasan Mingguan Sabtu & Ahad, Hari Kelepasan Am Negeri dan Persekutuan
	Sesi Pagi (7.00 pagi – 4.00 petang)	Sesi Petang (4.00 Petang – 11.00 malam)
MEDAN SELERA SEPANG	1 ORANG	-
MEDAN SELERA SUNGAI PELEK	1 ORANG	-
SELERA @ BAGAN LALANG	2 ORANG	1 ORANG
PUSAT PENJAJA BAGAN LALANG	1 ORANG	
TANDAS AWAM PASAR SEPANG	1 ORANG	
TANDAS AWAM PASAR SUNGAI PELEK		
JUMLAH	6 ORANG	1 ORANG

- 2.1.2 Kontraktor hendaklah membekalkan dan melantik pekerja seramai tujuh (7) orang serta pihak kontraktor juga perlu melantik seorang penyelia yang boleh memantau pekerja ditapak dan menghantar laporan kepada pihak Majlis. Pihak Kontraktor hendaklah melantik pekerja sekurang-kurangnya 50% pekerja warganegara Malaysia. Bagi pekerja Warganegara Malaysia walaubagaimanapun sekiranya pihak Kontraktor menggajikan pekerja bukan Warganegara, pihak Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyediakan dokumen yang sah di sisi undang-undang seperti passport dan permit kerja yang sah yang diperakui oleh Agensi Kerajaan berkaitan. Pihak Majlis berhak mengarahkan pihak kontraktor menggantikan pekerja yang lain dalam masa 7 hari sekiranya mendapati pekerja tersebut tidak mempunyai dokumen yang sah. Bagi hari yang tiada pekerja akan dibuat pemotongan harian.
- 2.1.3 Pihak Kontraktor perlu menyerahkan kepada Majlis butir - butir pekerja seperti Surat tawaran kerja termasuk amaun gaji pekerja berserta gambar berukuran passport dalam tempoh 30 hari daripada tarikh lantikan. Sekiranya berlaku pertukaran kakitangan, pihak kontraktor perlu memaklumkan kepada pihak Majlis dan menyerahkan butir -butir peribadi pekerja yang baru berserta gambar berukuran passport

## 2.2 HARI BEKERJA

- 2.2.1 Hari bekerja adalah setiap hari dan hendaklah mencukupi sebulan mengikut kalender semasa termasuk Hari Kelepasan Mingguan (Sabtu dan Ahad), Hari Kelepasan Am Negeri dan Hari Kelepasan Am Persekutuan. Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor memastikan terdapatnya pekerja yang bertugas semasa Hari Kelepasan Mingguan (Sabtu dan Ahad), Hari Kelepasan Am Negeri dan Hari Kelepasan Am Persekutuan (Potongan RM50.00 akan dibuat untuk setiap ketidakhadiran/ketiadaan pekerja di tapak semasa lawat tapak oleh Penyelia Majlis atau melalui aduan). Walaubagaimanapun, pihak kontraktor WAJIB memastikan kerja - kerja pembersihan bagi pekerja yang tidak hadir bekerja diganti oleh pekerja lain dan bilangan pekerja mengikut jadual 2.1.1. Potongan bayaran akan dibuat sekiranya kontraktor gagal / abai / cuai mematuhi arahan ini.
- 2.2.2 Pihak Kontraktor hendaklah memastikan setiap pekerja Kontraktor mengimbas cap jari di mesin imbas kehadiran Cap Jari (Biometrik) yang telah disediakan oleh pihak Kontraktor dan salinan kehadiran ini perlu dihantar bersekali dengan tuntutan kontraktor. Sekiranya pekerja gagal mematuhi tempoh waktu bekerja yang ditetapkan maka pihak Majlis berhak membuat pemotongan sebanyak 1/3 daripada gaji harian pekerja.(warta kerajaan-persekutuan perintah gaji minimum 2022)

## 2.3 PENGAJIAN PEKERJA

- 2.3.1 Kontraktor hendaklah menggajikan pekerja mengikut garis panduan yang telah ditetapkan melalui Warta Kerajaan Persekutuan - Perintah Gaji Minimum 2022 (Lampiran G).
- 2.3.2 Pihak kontraktor perlu mengambilkira bahawa kontrak ini perlu menjalankan kerja – kerja setiap hari iaitu tujuh (7) hari seminggu termasuk Hari Kelepasan Mingguan (Sabtu dan Ahad), Hari Kelepasan Am Negeri dan Hari Kelepasan Am Persekutuan dan menjadi tanggungjawab sepenuhnya pihak kontraktor untuk memastikan pekerja menjalankan kerja seperti di perenggan 2.1.

## 2.4 PERALATAN

Kontraktor hendaklah menyediakan peralatan pembersihan bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan di setiap kawasan yang terkandung dalam "bill Of Quantity". Senarai peralatan adalah seperti berikut:-

BIL	PERALATAN	SPESIFIKASI KERJA
1.	<i>Penyapu</i> <b>(perlu mengasingkan untuk pembersihan kawasan awam, surau dan tandas)</b> <b>* perlu diganti setiap 2 bulan sekali</b>	- menyapu kawasan common area - menyapu surau - Menyapu tandas
2.	<i>Mop</i> <b>(perlu mengasingkan untuk pembersihan kawasan awam, surau dan tandas)</b> <b>*perlu diganti setiap 2 bulan</b>	-Mengemop Tandas -Mengemop surau - Mengemop Common area
3.	<i>Penyodok longkang</i> <b>*perlu diganti sekiranya rosak/uzur</b>	- membersihkan Longkang
4.	<i>Tong siram bunga</i> <b>*perlu diganti sekiranya rosak/uzur</b>	-menyiram pokok bunga
5.	<i>Baldi</i> <b>(perlu mengasingkan untuk pembersihan kawasan awam, surau dan tandas)</b> <b>*perlu diganti sekiranya rosak/uzur</b>	-mengemop tandas -Mengemop surau -Mengemop kawasan common area
6.	<i>Berus mangkuk tandas</i> <b>*perlu diganti sekiranya rosak/uzur</b>	-membersihkan magkuk tandas
7.	<i>Berus dinding</i> <b>*perlu diganti sekiranya rosak/uzur</b>	-membersihkan dinding dan lantai
8.	<i>Kain lap</i> <b>*perlu diganti setiap 1 bulan</b>	-mengelap cermin dan sinki
9.	<i>Papan tanda "wet floor"</i> <b>*perlu diganti sekiranya rosak/uzur</b>	-hendaklah dipasang semasa menjalankan kerja mengemop lantai
10.	<i>Pencakar daun</i> <b>*perlu diganti sekiranya rosak/uzur</b>	-membersihkan daun dan sampah di kawasan parking dan kawasan bertar
11.	<i>Penyodok sampah bertutup</i> <b>*perlu diganti sekiranya rosak/uzur</b>	-mengumpul sampah dan membuang kedalam tong sampah

12.	<i>Bulu ayam</i> <b>*perlu diganti sekiranya rosak/uzur</b>	-membersihkan sawang di bawah meja dan kerusi makan (spring cleaning)
13.	<i>Berus sawang</i> <b>*perlu diganti sekiranya rosak/uzur</b>	-membersihkan sawang (spring Cleaning)
14.	<i>Mesin scrubbing lantai</i>	- Mencuci lantai (spring Cleaning)
15.	<i>Mesin jet air (water jet)</i>	-membersihkan longkang (spring cleaning)

### 3.0 KERJA AWALAN

#### 3.1 INSURAN

Pihak kontraktor hendaklah menyediakan insuran merangkumi pampasan pekerja dan tanggungan awam. Sesalinan insuran ini perlu diserahkan kepada pihak majlis dalam tempoh **30 hari** daripada tarikh lantikan dan boleh di buat tuntutan pada permulaan tuntutan bayaran kerja.

#### 3.2 PETI KECEMASAN (FIRST AIDS)

Pihak kontraktor membeli peti kecemasan dan hendaklah ditempatkan peti kecemasan tersebut di dalam stor atau bilik pekerja. Pihak kontraktor juga wajib menggantikan semula peralatan dan ubatan sekiranya digunakan ataupun tarikh pada ubatan telah luput. Senarai peralatan dan ubatan yang perlu berada dalam peti kecemasan adalah seperti di jadual dibawah:-

NO	CONTENT	QUANTITY
1	Content Listing	1 Pc
2	Sterile Cotton Ball (10 Pcs)	2 Packs
3	Triangular Bandage 91 x 91 x 127 cm (cotton)	1 Pc
4	Crepe Bandage 5cm x 4m	1 Roll
5	W.O.W. Bandage 5cm x 5.5m	1 Pc
6	W.O.W. Bandage 7.5cm x 5.5m	1 Pc
7	Non Sterile Cotton Swab 100pcs	1 Pack
8	Non Sterile Gauze Swab 5 cm x 5 cm 100pcs	1 Pack
9	PE Medium Brown Plaster 19mm x 76mm (Water Proof)	20 Pcs
10	Surgical Tape w/Dispenser 1.25cm x 5m	1 Pc
11	Alcohol Swab 35mm x 35mm	4 Pcs
12	S/Steel Scissors 9cm	1 Pc
13	Acridlavine Solution 30ml	1 Pc
14	Plastic Tweezer	1 Pc
15	General User Guide	1 Pc
16	First Aid Guide Booklet	1 Pc
17	Basic Life Support Card	1 Pc
		<b>TOTAL: 40 PCS</b>

### 3.3 MESIN PENGIMBAS KEHADIRAN CAP JARI

Pihak kontraktor hendaklah membeli dan memasang mesin pengimbas cap jari bagi kehadiran pekerja. Pihak kontraktor juga hendaklah menetapkan waktu bekerja 7.00 pagi sehingga 4.00 petang serta 4.00 petang hingga 11.00 malam dan menetapkan nama pekerja pada mesin pengimbas serta menetapkan nama bagi pekerja baru. Laporan kehadiran perlu disahkan dan ditandatangani oleh pihak syarikat.

### 3.4 RAK BUKU (MERPATI) BERSAIZ 810MM X 610 MM

Pihak kontraktor hendaklah membeli, menghantar dan memasang rak buku (merpati) untuk diletakkan didalam surau lelaki dan perempuan. Gambar rak buku seperti dilampiran 1. Senarai kawasan adalah seperti berikut:-

Bil	Kawasan	Jumlah unit (surau lelaki)	Jumlah unit (surau perempuan)
1.	Medan Selera Sepang	1	1
2.	Medan Selera Sungai Pelek	1	1
3.	Selera @ Bagan Lalang	1	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>3</b>	<b>3</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>6</b>	

### 3.5 RAK BESI (HEAVY DUTY) BERSAIZ 30CM X 90 CM (4 TINGKAT)

Pihak kontraktor hendaklah membeli, menghantar dan memasang rak besi (heavy duty) untuk diletakkan didalam setor. Gambar rak besi seperti dilampiran 1. Senarai kawasan adalah seperti berikut:-

Bil	Kawasan	Jumlah unit
1.	Medan Selera Sepang	1
2.	Medan Selera Sungai Pelek	1
3.	Selera @ Bagan Lalang	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>3</b>

### 3.6 PENYANGKUT BAJU DINDING (HOOK HANGER) ANTI KARAT 6 (HOOK)

Pihak kontraktor hendaklah membeli dan memasang penyangkut baju (hook hanger) untuk diletakkan didalam setor simpanan pelatan bagi tujuan penyusunan dan menyangkut peralatan pembersihan. Gambar rapenyangkut baju (hook hanger) seperti dilampiran 1. Senarai kawasan adalah seperti berikut:-

Bil	Kawasan	Jumlah unit
1.	Medan Selera Sepang	1
2.	Medan Selera Sungai Pelek	1
3.	Selera @ Bagan Lalang	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>3</b>

### 3.7 TEMPAT DUDUK KAYU KERAS BESERTA RAK KASUT (SOLID WOOD BENCH WITH SHOE RACK)

Pihak kontraktor hendaklah membeli, menghantar dan memasang rak besi (heavy duty) untuk diletakkan didalam setor. Gambar rak besi seperti dilampiran 1. Senarai kawasan adalah seperti berikut:-

Bil	Kawasan	Jumlah unit
1.	Medan Selera Sepang	2
2.	Medan Selera Sungai Pelek	2
<b>JUMLAH</b>		<b>4</b>

### 3.8 MEMBEKAL UNIFORM PEKERJA

Pihak kontraktor hendaklah membeli dan menyediakan baju pekerja dan pihak kontraktor perlu memastikan pekerja memakai uniform setiap hari. Senarai jumlah dan kawasan adalah seperti berikut:-

Bil	Kawasan	Jumlah pekerja	Jumlah(helai)
1.	Medan Selera Sepang	1	3
2.	Medan Selera Sungai Pelek	1	3
3.	Selera @ Bagan Lalang	3	9
4.	Pusat Penjaja@Bagan Lalang	1	3
<b>JUMLAH</b>			<b>18</b>

### 3.9 PEMBELIAN BAJU KEPERLUAN SPRING CLEANING PERDANA BERSAMA AHLI MAJLIS

Pihak kontraktor hendaklah membeli dan menyediakan baju bagi program Spring Cleaning@gotong-royong bersama Ahli Majlis bagi kawasan seperti berikut:-

#### a) Medan Selera Sepang

Bil	Kawasan	Jumlah (helai)
1.	Ahli Majlis & SU Kerja	2
2.	Penyewa	8
3.	Pekerja Majlis	5
<b>JUMLAH</b>		<b>15</b>

#### b) Medan Selera Sungai Pelek

Bil	Kawasan	Jumlah (helai)
1.	Penyewa	20
2.	Pekerja Majlis	5
<b>JUMLAH</b>		<b>25</b>

## c) Selera@Bagan Lalang & Pusat Penjaja@Bagan Lalang

Bil	Kawasan	Jumlah (helai)
1.	Ahli Majlis & SU Kerja	2
2.	Penyewa	21
3.	Pekerja Majlis	10
<b>JUMLAH</b>		<b>33</b>

### 3.10 PEMASANGAN PAPAN TANDA

Pihak Kontraktor hendaklah menyediakan Papan Tanda dalam tempoh **satu (1)** Bulan selepas dilantik sebagai kontraktor pembersihan. Jumlah Papan tanda yang perlu disediakan adalah seperti berikut:

Pemasangan papan tanda		
Bil	Tempat	Unit
1.	Medan Selera Sepang	1 unit dilekatkan di bangunan tandas
2.	Medan Selera Sungai Pelek	1 unit dilekatkan di bangunan tandas
3.	Selera @ Bagan Lalang	1 unit dilekatkan di bangunan tandas
4.	Pusat Penjaja@Bagan Lalang	1 unit dilekatkan di bangunan tandas
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>4 Unit</b>

Nota :

Kos pemasangan dan penghantaran perkara **3.1,3.2,3.3,3.4,3.5,3.6,3.7,3.8 dan 3.10 boleh dituntut** hanya **sekali(one off)** dan dimasukkan di dalam sebutbarga di dalam kerja-kerja permulaan.

### 4.0 TUNTUTAN DAN PELAPORAN BERGAMBAR

4.1 Tuntutan oleh kontraktor hendaklah dihantar bersekali dokumen berikut:

- a) Laporan siap kerja bergambar (gambar sebelum, semasa dan selepas).
  - i) Laporan kerja harian yang disahkan oleh Penyelia Kontraktor.
  - ii) Laporan kerja bulanan – Gambar kerja mengikut spesifikasi kerja yang dibuat pada tarikh spring cleaning atau tarikh yang ditetapkan dan disahkan oleh penyelia Kontraktor.
- b) Jadual kerja bulanan yang dituntut yang ditandatangani oleh pekerja dan penyelia
- c) Salinan Kehadiran Pekerja dan Penyelia kontraktor.

4..2 Kontraktor hendaklah menghantar tuntutan yang lengkap dalam tempoh tujuh (7) hari setiap bulan. Kos menyediakan laporan bergambar dan tuntutan kerja dibayar secara bulanan dan telah dimasukkan didalam sebutbarga bagi kerja-kerja permulaan.



## 5.0 PEMERIKSAAN TAPAK.

Kontraktor hendaklah dianggap telah melakukan pemeriksaan dan penelitian tapak kerja dan kawasan persekitarannya dan hendaklah ianya berpuashati sebelum menghantar tawarannya mengenai keadaan tapak.

## 6.0 PERINCIAN SPESIFIKASI KERJA MENGIKUT KAWASAN

Kerja-kerja seperti yang dinyatakan di bawah ini hendaklah dilaksanakan.

### 6.1 MEDAN SELERA SEPANG

#### DALAM BANGUNAN (MEDAN SELERA SEPANG)

#### KERJA – KERJA HARIAN

##### 6.1.1 Membersihkan Lantai Kawasan Awam ‘Common Area’

- a) Lantai hendaklah **sentiasa di sapu dan dimop** atau sekurang-kurang di **sapu 2 jam sekali**
- b) Memastikan lantai dalam keadaan bersih sepanjang waktu operasi.
- c) Segala jenis sampah yang disapu hendaklah dilupuskan dengan tanggungan kos oleh kontraktor

##### 6.1.2 Membersihkan Tandas Medan Selera Sepang (Lelaki dan Perempuan)

